

# Nama UPM kekal

**Serdang:** Nama Universiti Putra Malaysia (UPM) dikekalkan dan tidak akan ditukar semula kepada Universiti Pertanian Malaysia.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, berkata walaupun nama asal tidak digunakan, fokus terhadap bidang pertanian tetap akan diperkasakan.

"Forum khas diadakan kelmarin bagi mendapatkan maklum balas mengenai cadangan nama asal UPM digunakan semula untuk mengembalikan imej sektor pertanian.

"Secara umumnya dipersetujui bahawa nama Universiti Putra Malaysia dikekalkan dengan memberi penekanan terhadap bidang kebitaraan iaitu pertanian," katanya ketika ditemui dalam Majlis Penutup Program Inkubasi Usahawantani 2013, di sini, semalam.

Beliau mengulas cadangan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob supaya kerajaan mengkaji nama UPM ditukar kembali kepada Universiti Pertanian Malaysia bagi membantu mengubah persepsi negatif orang ramai mengenai pertanian.

## Tawar pelbagai jurusan

Prof Mohd Fauzi berkata, UPM menerusi Fakulti Pertanian UPM umpamanya kini menerajui bidang pertanian bandar bagi memastikan bekalan makanan mencukupi.

Katanya, inisiatif itu berikutan peralihan demografi yang mana sebanyak 72 peratus penduduk negara ini tinggal di kawasan bandar dan persekitaran bandar.

Selain itu, katanya, nama UPM ketika ini lebih relevan kerana universiti itu menawarkan



**NAMA UPM KETIKA INI LEBIH RELEVAN KERANA UNIVERSITI ITU MENAWARKAN PELBAGAI PROGRAM PENGAJIAN TERMASUK PERUBATAN DAN KEJURUTERAAN"**

pelbagai program pengajian termasuk perubatan dan kejuruteraan.

Tambahan pula, katanya, UPM kini turut memberi tumpuan kepada bidang pengeluaran dan keselamatan makanan yang mempunyai kaitan rapat dengan bidang pertanian.

"UPM dan Serdang sinonim dengan pertanian, namun begitu kini kita perlu menitikberatkan aspek pengeluaran makanan, malah hampir semua program pengajian ditawarkan UPM ketika ini kecuali perundangan," katanya.

Terdahulu, Mohd Fauzi menyampaikan sijil kepada 48 peserta Program Inkubasi Usahawantani 2013 serta Surat Niat kepada wakil syarikat yang menyertai program itu.

Selepas enam bulan program itu dijalankan bermula Januari lalu, sebanyak 12 syarikat ditubuhkan mem-babitkan 28 peserta.

